

Terma dan Syarat

Penganjur	Dutch Lady® Milk Industries Berhad (196301000165/5063-V)
Nama Peraduan	My Tabung Minda Cergas
Tempoh Peraduan	Peraduan bermula pada 00:00:00 pada 1 ^{hb} April 2026 dan ditutup pada 23:59:59 pada 30 ^{hb} Mei 2026.
Kelayakan	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dengan nombor pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) pada 1^{hb} April 2026.</p> <p>Pemenang yang layak mestilah mempunyai seorang anak berumur antara 1 hingga 6 tahun pada 1 April 2026.</p> <p>Kumpulan orang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan :</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pekerja Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka). (b) Pekerja agensi yang berkaitan dengan Penganjur yang terlibat dalam Peraduan ini serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka). (c) Pekerja Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibu bapa)
Kaedah Penyertaan	<p>Penyertaan melalui Platform Dalam Talian (di : https://www.dutchlady.com.my/kids-nutrition/promotions/mytabungmindacergas2026)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Beli mana-mana produk Dutch Lady® yang mengambil bahagian (“Produk”) bernilai minimum RM40 dalam satu resit (“Bukti Pembelian”) di mana-mana kedai yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Peraduan. Produk yang mengambil bahagian adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Susu Tepung Rumusan Dutch Lady® untuk kanak-kanak 123 / 456 / 6+ (1.8kg, 850g, 550g) ; Dutch Lady MaxGro – 600g & 1.2kg (mana-mana varian) 2. Imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi yang terdapat di kedai yang mengambil bahagian atau melalui laman dalam talian melalui: https://www.dutchlady.com.my/kids-nutrition/promotions/mytabungmindacergas2026. Muat naik maklumat berikut melalui platform dalam talian : <ol style="list-style-type: none"> a. Gambar jelas Bukti Pembelian / Resit b. Nama Penuh c. Nombor MyKad d. Nombor telefon (nombor mudah alih yang mempunyai WhatsApp) e. Alamat e-mel f. Nama anak dan tarikh lahir g. Hubungan anda dengan anak yang dicalonkan h. Jawapan kreatif yang menerangkan bagaimana Susu Tepung Rumusan Dutch Lady® Kanak-Kanak menjadi sebahagian daripada pemakanan harian anak yang dicalonkan serta bagaimana ibu bapa atau penjaga akan menggunakan Dana Pendidikan My Tabung Minda Cergas untuk menyokong perkembangan dan pembelajaran anak tersebut.

	<p>i. Jawapan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu, tidak melebihi 200 patah perkataan, yang menerangkan aspirasi anda terhadap anak tersebut dan bagaimana dana pendidikan ini akan memberi manfaat kepadanya.</p> <p>j. Peserta yang ingin mencalonkan anak orang lain mestilah mendapatkan persetujuan Ibu Bapa/penjaga anak tersebut menggunakan borang dalam Lampiran A.</p> <p>3. Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan, dengan syarat setiap Penyertaan menggunakan Bukti Pembelian yang berbeza dan mematuhi Terma dan Syarat ini. Pembelian minimum bernilai Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40.00) dan ke atas bagi Produk dalam satu Bukti Pembelian akan dikira sebagai satu (1) Penyertaan sahaja. Peserta hendaklah menyimpan Resit Asal atau Bukti Pembelian untuk tujuan pengesahan.</p> <p>4. Penganjur tidak akan menghantar sebarang laporan pengesahan bagi setiap Penyertaan.</p> <p>5. Penganjur tidak akan menerima sebarang pengubahsuaian terhadap Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit bertulisan tangan, Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p>6. Resit Invois Cukai E-Dagang akan diterima sebagai Bukti Pembelian.</p> <p>7. Walaubagaimanapun, merujuk perkara di atas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan, termasuk Bukti Pembelian Asal (Salinan Cetak Asal) dan dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p> <p>8. Semua pemenang yang disenarai pendek akan dihubungi dan dikehendaki untuk mengemukakan Nombor Akaun SSPN Prime Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (baru atau sedia ada) beserta maklumat berikut: Nama peserta (ibu bapa, ibu bapa tiri, atau penjaga) dan anak yang dicalonkan yang berumur antara 1 hingga 6 tahun pada 1 April 2026, dalam tempoh masa yang ditetapkan. Maklumat yang dikemukakan akan disemak oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional untuk pengesahan kelayakan bagi menerima Hadiah tersebut.</p>
<p>Tarikh Akhir Penyertaan</p>	<p>Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 30 Mei 2026. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Untuk penyertaan Hadiah Mingguan, Penganjur harus menerima penyerahan penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 pada tarikh terakhir setiap Minggu Peraduan seperti yang dibentangkan di bawah.</p>

	<p>Jadual Minggu Peraduan</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Minggu 1 : 01 April 2026 - 11 April 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 2 : 12 April 2026 - 18 April 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 3 : 19 April 2026 - 25 April 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 4 : 26 April 2026 - 02 Mei 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 5 : 03 Mei 2026 - 09 Mei 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 6 : 10 Mei 2026 - 16 Mei 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 7 : 17 Mei 2026 - 23 Mei 2026 <input type="checkbox"/> Minggu 8 : 24 Mei 2026 - 30 Mei 2026
<p>Butiran Pengadilan</p>	<p>Pengesahan Penyertaan</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Bukti Pembelian Asal yang jelas menunjukkan Produk, Harga, Nombor Resit, Tarikh Pembelian yang Sah dan Nama Kedai. b. Jawapan kepada soalan mestilah tidak melebihi 200 patah perkataan (dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu) c. Butiran peribadi yang sah. d. Tiada duplikasi Bukti Pembelian. e. Tiada perubahan Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk; Nama kedai, item yang dibeli, harga dan masa transaksi. f. Bukti Pembelian bertulisan Tangan, Pesanan Pembelian dan Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti pembelian. g. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi maksimum satu (01) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. <p>PEMILIHAN DAN PENYENARAIAH PENDEK PEMENANG</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peraduan ini mempunyai dua pusingan pemilihan bagi setiap Minggu Peraduan, iaitu pusingan pertama dan pusingan akhir. 2. Hakim bebas yang dilantik oleh Penganjur bertanggungjawab menjalankan pemilihan pemenang, selaras dengan jadual bagi setiap Minggu Peraduan. 3. Pemenang akhir yang disenarai pendek akan dipilih oleh Penganjur. 4. Kriteria Pengadilan : <ul style="list-style-type: none"> • Kesahihan Bukti Pembelian. • Jawapan yang memberi inspirasi kepada soalan dan tidak melebihi 200 patah perkataan. • Komposisi keseluruhan; berkaitan dengan Tema Peraduan. • Kelayakan untuk pengadilan memerlukan anak yang dicalonkan berumur antara 1 hingga 6 tahun pada 1 April 2026. 5. Jawapan yang memberi inspirasi tidak boleh mengandungi unsur tidak senonoh atau lucu, menghina, memfitnah atau kandungan yang tidak sesuai, menyinggung, atau bertentangan dengan Kod Etika pemasaran makanan bayi di bawah Kementerian Kesihatan (KKM), dan sebagaimana yang ditentukan oleh hakim dan/atau Penganjur mengikut budi bicara mutlak mereka. Mana-mana penyertaan yang melanggar syarat ini akan dibatalkan kelayakannya.

	<p>6. Penganjur akan memaklumkan semua Pemenang yang disenarai pendek melalui WhatsApp dan/atau panggilan telefon menggunakan nombor yang diberikan semasa Penyertaan</p> <p>7. Semua Pemenang yang disenarai pendek juga akan dihubungi melalui WhatsApp ke nombor yang diberikan semasa Penyertaan. Pemenang yang disenarai pendek akan diminta untuk mengemukakan tangkapan skrin Nombor Akaun SSPN Prime Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (baru atau sedia ada) beserta maklumat berikut: Nama peserta (ibu bapa, ibu bapa tiri, atau penjaga) dan anak yang dicalonkan yang berumur antara 1 hingga 6 tahun pada 1 April 2026. Maklumat yang diperlukan mesti dihantar melalui WhatsApp ke 019-553 0092 dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan kemenangan oleh Penganjur untuk layak menerima Hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan maklumat seperti yang dinyatakan akan mengakibatkan pelucutan Hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang gagal dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>Pengumuman Pemenang</p> <p>Pemenang akan dimaklumkan melalui WhatsApp sebagai sebahagian daripada proses penebusan Hadiah. Senarai Pemenang juga akan diumumkan di media sosial Penganjur di https://facebook.com/DutchLadyKidsNutrition dan laman web di https://www.instagram.com/dutchladykidsnutrition .</p> <p>Penganjur berhak untuk meminta bukti asal Bukti Pembelian (Salinan cetak fizikal) bagi tujuan pengesahan dan penebusan Hadiah. Kegagalan mengemukakan salinan fizikal Bukti Pembelian apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p> <p>Penganjur juga berhak menghubungi Pemenang terpilih untuk tujuan promosi dan boleh meminta gambar ibu/bapa dan anak, berserta kapsyen yang memberi inspirasi, untuk digunakan di platform media sosial dan bahan pemasaran Dutch Lady® Milk Industries Berhad.”</p>
<p>Hadiah</p>	<p>Hadiah Mingguan 25 x Dana Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (SSPN Prime) bernilai RM5,000 setiap satu (25 Pemenang Mingguan x 8 minggu: 200 pemenang)</p> <p>Seramai 200 Penyertaan Pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan. Jumlah nilai keseluruhan bagi semua hadiah mingguan ialah RM1,000,000.</p> <p>Setiap Peserta layak untuk memenangi maksimum SATU (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan dan hanya satu Hadiah dibenarkan bagi setiap keluarga. Hadiah terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) Hadiah Mingguan

<p>Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. 2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, boleh ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur. 3. Semua hadiah akan diproses untuk pengambilan dalam tempoh enam (6) - lapan (8) minggu dari tamat Tempoh Peraduan; 30 Mei 2026. 4. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang bernilai sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. 5. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. 6. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut. 7. Dana Pendidikan SSPN Prime PTPTN bernilai RM5,000 tertakluk kepada Terma & Syarat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional di https://www.ptptn.gov.my/en/simpan-sspn/simpan-sspn-prime/
<p>Terma Tambahan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya berlaku sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat. 2. Penganjur, dan/atau wakil tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan oleh Peserta dalam Peraduan ini , serta penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi. 3. Anak yang mengambil bahagian atau terlibat dalam kempen ini mestilah berumur satu (1) tahun pada 1 April 2026, dan tidak melebihi 6 tahun 11 bulan. 4. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, Sebarang surat

	<p>menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.</p> <ol style="list-style-type: none">5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka, dan Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar peserta dan pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis lanjut dan setiap peserta tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan untuk penggunaan penyertaan mereka oleh Penganjur.6. Penganjur berhak menghubungi Pemenang terpilih untuk tujuan media sosial dan promosi. Pemenang terpilih mungkin dikehendaki untuk menyediakan gambar ibu/bapa dan anak, berserta kapsyen yang memberi inspirasi, untuk digunakan di platform media sosial dan bahan pemasaran Dutch Lady® Milk Industries Berhad.7. Dengan mengemukakan penyertaan ke Peraduan, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat.8. Untuk penerangan yang lebih terperinci tentang amalan privasi kami, sila rujuk Dasar Privasi kami di https://www.dutchlady.com.my/privacy-policy.php9. Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: No. Telefon Dutch Lady Careline : 1-800-81-3855 Alamat e-mel: dutchladycareline@frieslandcampina.com10. Sekiranya sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
--	--

Lampiran A

Kebenaran Ibu/Bapa / Penjaga

Saya dengan ini mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa saya adalah ibu/bapa/penjaga sah kepada _____
(nama anak yang dicalonkan) dan saya mengakui, bersetuju dan memberi kebenaran untuk beliau mengambil bahagian sepenuhnya dalam kempen **My Tabung Minda Cergas**, serta membenarkan **DLMI** menggunakan nama dan imej beliau dalam sebarang bahan promosi, sifat dan kandungan yang telah dijelaskan sepenuhnya kepada saya.

Nama penuh Ibu/Bapa/Penjaga seperti di MyKad:

Alamat emel Ibu/Bapa/Penjaga:

No. telefon Ibu/Bapa/Penjaga:

Tandatangan Ibu/Bapa/Penjaga:

Tarikh: